

ورتا ڤنرڠن

Warta Penerangan

www.information.gov.bn

Edisi Ketiga
Mac 2009

Terbitan Jabatan Penerangan


# Merdekarama Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan

Bersempena dengan sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun 2009 ini, jabatan sekali lagi mengungkayahkan Program Merdekarama.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini ialah Yang Mulia Awang Haji Jamain bin Awang Momin, Pegawai Daerah Belait. Program mengambil tempat di Dewan Kemasyarakatan Kampong Pandan pada 28 Mac.

Pada kali ini jabatan mengadakan program Merdekarama di Mukim Belait dan menjadikan Majlis Perundingan Mukim Belait sebagai rakan kongsi dalam merealisasikan kejayaan dan matlamat program.

Merdekarama ialah sebuah program berorientasikan patriotisme dan memberigakan isu-isu semasa negara dan kerajaan yang disampaikan melalui *platform* persembahan pentas yang disesuaikan dengan tema Hari Kebangsaan iaitu 'Kedewasaan Bernegara'.

Antara kandungan persembahan pada malam tersebut ialah nyanyian lagu-lagu patriotik, tarian asli dan moden, bacaan sajak, puisi dan syair, lawak jenaka dan kuiz kenegaraan.

Program Merdekarama ini juga turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan jabatan, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Belait serta penduduk yang tinggal di sekitar Kampong Pandan.



Tetamu kehormat yang hadir menyaksikan program Merdekarama pada malam tersebut.



Para penonton yang hadir dengan ceria mempamerkan semangat patriotik.







Antara kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir pada malam tersebut.








Antara acara pentas yang dipersembahkan oleh para peserta dari Mukim Belait.

**Sidang Redaksi**

**Penasihat**
Haji Mahmud bin Haji Masri

**Ketua Pengarang**
Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ahli Sidang Pengarang**
Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

**Penyumbang Berita**
Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md Salleh
Nor Ajijah Mohammad
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

**Penyemak**
Hajah Norpisah Md Salleh

**Penyelaras Online**
Haji Ariffin Mohd Noor

**Fotografi**
Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT
Pengiran Ikram bin Pengiran Ahmad

# Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Jika bulan Februari jabatan begitu sibuk dengan persiapan kerja-kerja Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan, pada bulan ini pula jabatan terlibat sepenuhnya dalam satu lagi acara besar negara iaitu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Pada setiap tahun sejak persidangan ini dibuka semula pada 25 September 2004, Jabatan Penerangan diberi tanggungjawab dalam memastikan pemberigaan majlis dan penyelarasan liputan berita, penggambaran, pemantauan dan perkhidmatan kepada media yang membuat liputan di acara berkenaan berjalan dengan licin dan teratur. Memanglah ini merupakan satu tanggungjawab yang besar kepada Jabatan Penerangan kerana apa jua hasilnya setentunya akan dapat mengangkat imej jabatan dan majlis mesyuarat tersebut.

Apa yang membanggakan ialah warga penerangan telah lama bersedia untuk memikul tanggungjawab tersebut dan telah menampakkan hasil yang dihasratkan.

Pada bulan ini juga jabatan melaksanakan pemilihan awal Peraduan Pidato yang dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Guru-guru Bahasa Inggeris Brunei (BELTA). Ini merupakan kerjasama kali ketiga bersama persatuan tersebut dan ia memperlihatkan betapa eratnya hubungan kerjasama yang ada antara kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Apa pun projek mahupun program yang diamanahkan kepada jabatan, telah dapat kita tanai bersama kerana adanya komitmen yang tinggi serta kerjasama yang jitu oleh semua warga yang terlibat serta memperlihatkan kerja berpasukan (team work) dalam setiap gerak kerja aktiviti jabatan. Ini akan dapat terus dipertahankan dari masa ke semasa.

Wassalam.

**HAJI MAHMUD BIN HAJI MASRI**
**Pemangku Pengarah Penerangan**

## Isi Kandungan

- Merdekarama Sempena Jubli Perak Hari Kebangsaan 1
- Peraduan Pidato Anjuran Jabatan Penerangan - BELTA
- Lantikan Pengarah Penerangan 3
- Aktiviti Pusat Media di Majlis Mesyuarat Negara 4-5
- Perlawanan Futsal
- Ucapan Tahniah
- Selamat Hari Lahir 6
- Mesyuarat Buku *Aspiration of Statehood*
- MRO Bertugas 7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009 8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

## Lantikan Pengarah Penerangan



Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong sebagai Pengarah Penerangan yang baru mulai 3 Rabiulakhir 1430/30 Mac 2009.

Sebelum ini Dr. Haji Muhammad Hadi adalah Timbalan Pengetua Pusat Sejarah.

## Peraduan Pidato Anjuran Jabatan Penerangan - BELTA

Jabatan Penerangan dan Persatuan Guru-guru Bahasa Inggeris Negara Brunei Darussalam (BELTA) sekali lagi menganjurkan Peraduan Pidato Bahasa Inggeris (Information Department – BELTA Oratory Competition).

Pertandingan peringkat kelayakan telah diadakan pada 13 Mac bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, ibu pejabat Jabatan Penerangan di Berakas.

Majlis pada pagi itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua BELTA, Datin Hajah Khadijah binti Haji Akbar.

Seramai 31 orang peserta yang mewakili sekolah menengah dan maktab seluruh negara telah bertanding bagi memilih peserta-peserta yang layak ke peringkat akhir.

Sebelum mengumumkan nama-nama para pemenang, Ketua Panel Hakim telah memberi komen dan ulasan. Seramai lapan orang penuntut telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir yang dijangka akan diadakan pada 15 April bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei di ibu negara.

Finalis Peraduan Pidato bagi kali ketiga pada tahun ini dengan tema '25 Tahun: Perubahan dan Cabaran' ialah penuntut-penuntut yang mewakili:

- Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bokiah
- Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan
- Sekolah Menengah Menglait
- Sekolah Menengah Sayyidina Ali
- St. James' School
- Sekolah Menengah Muda Hashim
- Chung Hwa Middle School, Kuala Belait
- Chung Ching Middle School, Seria

Para penuntut yang akan bertanding ini juga telah mendapat tajuk pidato masing-masing yang dijalankan secara undian untuk mereka persembahkan pada peraduan peringkat akhir nanti.

Tahun ini merupakan kali ketiga Jabatan Penerangan bersama BELTA mengadakan Peraduan Pidato Bahasa Inggeris. Peraduan Pidato ini ditaja oleh MacMillan Publishers, United Kingdom.



Yang Dipertua BELTA, Datin Hajah Khadijah binti Haji Akbar (tiga dari kiri) semasa hadir di Peraduan Pidato peringkat kelayakan.



Barisan finalis yang akan bertanding di peraduan peringkat akhir.



Pegawai Penerangan, Awang Azman ketika ditemuramah oleh pemberita RTB.



Para jemaah hakim yang menghakimkan peraduan.

# Pusat Media Persidangan Majlis Mesyuarat Negara

Sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi musim permesyuaratan kali kelima pada tahun ini, Jabatan Penerangan telah menubuhkan Pusat Media yang beroperasi sepanjang Persidangan MMN yang bermula pada 12 Mac.

Sempena penubuhan Pusat Media tersebut, Majlis Doa Selamat telah diadakan di Bilik Estet, Tingkat Satu, Bangunan MMN di Jalan Kebangsaan pada hari Khamis, 12 Mac. Bacaan Doa Selamat telah diketuai oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Pusat Media berperanan membantu para pemberita dan jurugambar jabatan mendapatkan artikel untuk dimuatkan dalam akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei dan Pelita Online Harian, di samping memberikan khidmat yang diperlukan oleh para wartawan media dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta media-media tempatan yang beroperasi di negara ini.

Antara kemudahan yang terdapat di sini ialah mesin faks dan fotokopi, telefon, komputer dan kemudahan-kemudahan am pejabat bagi melicinkan lagi kerja-kerja para petugas Pusat Media ini.

Mesyuarat pertama bagi musim permesyuaratan kelima Persidangan MMN berakhir pada 24 Mac.

## Suasana di Pusat Media sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara







**Majlis Doa Selamat memohon keberkatan dan kelancaran urusan sebelum memulakan tugas masing-masing di hari pertama persidangan berlangsung.**







# Suasana Sepanjang Majlis Mesyuarat Negara Berlangsung




Kemudahan yang terdapat dan disediakan di Pusat Media sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.



Suasana di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada 12 hingga 24 Mac 2009.





Para pengamal media berkumpul di bilik Pusat Media sebelum memulakan tugas masing-masing.





Tekun mendengar hujah Ahli-ahli Yang Berhormat MMN yang disiarkan secara langsung melalui televisyen di bilik Pusat Media.







Sibuk menyediakan salinan *hansard* untuk diedarkan kepada para pemberita.

# Perlawanan Futsal Antara Kementerian-kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-15

Perlawanan Futsal antara Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-15 telah dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah kelolaan Jabatan Belia dan Sukan.

Dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan telah mewakili Jabatan Perdana Menteri. Mereka ialah Awang Haji Rahime bin Haji Anuar dan Awang Haji Madon bin Haji Ibrahim bagi kategori veteran.

Dalam perlawanan tersebut Jabatan Perdana Menteri telah berjaya menduduki tempat ketiga dalam kategori veteran. Tahniah di-ucapkan kepada mereka.



Berita dan gambar disumbangkan oleh:
Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

## Ucapan Tahniah

*Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong kerana selamat melahirkan seorang anak damit lelaki pada 16 Mac.*

## Selamat Hari Lahir

| | |
|---|---|
| Awang Haji Raya bin Haji Mohd. Tapa | 1 Mac |
| Awang Anang Idris bin Ramli | 1 Mac |
| Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan | 2 Mac |
| Dayang Asnah binti Haji Diwa | 8 Mac |
| Awang Sahari bin Haji Akim | 10 Mac |
| Awang Masri bin Haji Osman | 11 Mac |
| Dayang Hajah Musmariani binti Haji Mohamed | 13 Mac |
| Dayang Astrilen @ Atikah binti Muhammad Asyraf | 15 Mac |
| Awang Abdul Karim bin Haji Abu Bakar | 18 Mac |
| Awang Haji Ahmad bin Haji Salim | 19 Mac |
| Dayang Sadiah binti Haji Kahar | 21 Mac |
| Awang Shari bin Haji Gharib | 23 Mac |
| Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid | 26 Mac |
| Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini | 28 Mac |
| Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin | 30 Mac |

## Mesyuarat Buku *Aspirations of Statehood*

Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas telah mengadakan mesyuarat bagi penerbitan buku 'Aspirations of Statehood' pada 26 Mac bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Mesyuarat dipengerusikan oleh ketua bahagian tersebut, Awang Musa bin Mohiddin.

Mesyuarat tersebut diadakan bagi melancarkan perjalanan proses penyusunan dan perancangan keseluruhan isi buku tersebut sehinggalah kepada penerbitannya.







## Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Mac

Media Relations Officer (MRO) merupakan perkhidmatan yang banyak membantu pergerakan kepada media-media yang membuat liputan dan penggambaran bilamana ada acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia paduka Seri Baginda Sultan serta kerabat diraja.

MRO akan siap sedia untuk bertugas pada masa yang dikehendaki dan pada masa bukan waktu pejabat tidak kira pada waktu siang atau malam.



| | |
|---|---|
| 07 Mac | - Sambutan Maulidur Rasul di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin |
| 10 Mac | - Latihan Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 12 Mac | - Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 14 Mac | - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Majlis Anugerah CIPTA di Empire Hotel & Country Club<br>- Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 15 Mac | - Ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Terminal Airport Berakas |
| 16 Mac | - Majlis Mengadap dan Santap Tengah Hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Istana Nurul Iman<br>- Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 17 Mac | - Bertugas di Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 18 Mac | - Majlis Sambutan Maulidur Rasul Perkumpulan Khas Wanita di Pusat Persidangan Antarabangsa<br>- Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 19 Mac | - Majlis Penyampaian Pingat di Istana Nurul Iman |
| 21 Mac | - Majlis Penyampaian Pingat di Istana Nurul Iman<br>- Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 23 Mac | - Majlis Penyampaian Pingat di Istana Nurul Iman<br>- Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 24 Mac | - Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara |
| 31 Mac | - Majlis Perasmian Pelancaran Buku Adat Istiadat di Pusat Persidangan Antarabangsa |

# Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009

Gambar 'Air Terjun' oleh Awang Masri bin Osman telah menjuarai Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik bagi Kategori Jurugambar bagi bulan Februari dengan tema Gerakan (gerakan disebabkan perjalanan sesuatu (kereta, basikal), tiupan angin, berlari dan lain-lain), yang penyertaannya ditutup pada 15 Mac.

Bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan, Awang Sharin bin Mohd. Noor telah mendapat tempat pertama melalui gambar '*On Fast Track*'.

Peraduan diteruskan lagi bagi bulan Mac dengan tema Kereta (automobil, jeep, limusin (kereta mewah), truk, roda, alat ganti dan lain-lain) dan penyertaannya akan ditutup pada 15 April.





Gambar 'Air Terjun' oleh Awang Masri bin Osman yang mendapat tempat pertama bagi Kategori Jurugambar.





'*On Fast Track*' oleh Awang Sahrin bin Mohd. Noor telah menjuarai peraduan bagi kategori Pegawai dan Kakitangan.

**Diterbitkan bersama oleh Bahagian Perhubungan Awam & Bahagian Berita Inggeris dan Media IT**
**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**
**Dicetak oleh Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.**

**Tel: 2 561 387**
**Fax: 2 654 342**